

Tak gugat tumpuan PM

BH-28/11/2007

Abdullah tidak hirau diperleceh selagi majoriti sokong

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau terpaksa melakukan apa yang perlu dilakukan dan tidak gusar tindakan sesetengah pihak memperlecehkan beliau selagi sokongan majoriti memihak kepadanya.

Perdana Menteri berkata, pihak berkenaan hanya mahu memperbersarkan apa saja yang mereka nampak tidak elok pada mereka,

"Saya sedar ada yang hanya berniat memperlecehkan saya. Pada mereka, apa saja yang mereka nampak tak elok pada mereka, mereka nak perbesar-besarkan. *They just want to rubbish me.*

"Dalam politik, perkara seperti ini harus dijangkakan berlaku.

Tidak ada pemimpin disukai semua. Yang pentingnya, sokongan majoriti masih memihak kepada saya," katanya dalam temubual eksklusif bersama *Berita Minggu* di kediamannya di Putrajaya.

Ikuti temu bual penuh bersama Perdana Menteri di muka 12, 13

Beliau berkata, pengendali blog atau laman web menggunakan kesempatan mereka membuat pelbagai cerita.

"Bohong demi bohong dilakukan. Pada mereka, semuanya tak betul, semuanya tak baik. Kalau saya membenarkan diri saya diganggu sepanjang masa, saya tak akan dapat buat kerja. Itulah sebenarnya yang mereka mahu lakukan,

supaya saya tak dapat tumpuan pada kerja," katanya.

Perdana Menteri berkata, ada segelintir yang kini ghairah dengan perantaraan moden seperti khidmat pesanan ringkas (SMS),

media elektronik, pengendali blog atau laman web kerana tidak perlu mendedahkan nama dan berasa mereka bebas.

Bagaimanapun, kata beliau, perhatiannya sekarang adalah untuk menjayakan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan yakin negara berada di landasan betul dan bergerak maju dengan pertumbuhan ekonomi yang baik.

Mengenai RMK-9, beliau percaya akan mencapai matlamat berdasarkan momentum pelaksanaannya yang cukup teratur sejak dilancarkan Jun tahun lalu, terutama perubahan kepada ekonomi yang memberi penekanan terhadap sektor pertanian.

Katanya, senarai tender 880 projek yang diumumkan sebelum ini sedang dilaksanakan Kementerian berkaitan dan bagi 2006, kerajaan menjangkakan peruntukan pembangunan hampir 35 bilion dibelanjakan.

Selain itu, inisiatif Koridor Pembangunan Wilayah sudah bermula. Wilayah Pembangunan Iskandar

LIHAT MUKA 2

Penekanan pertanian bukan langkah ke belakang

DARI MUKA 1

dilancarkan tahun lalu dan dijangka pelaburan akan mula masuk tahun ini. Koridor Utara serta Koridor Timur kini dalam perancangan dan akan dilancarkan tidak lama lagi.

Pada masa sama, penambahbaikan sektor pertanian tidak terabai. Sebelum ini, sektor pertanian lebih mengutamakan aspek menghasilkan produk lebih banyak dan lebih tinggi nilainya walaupun pemasaran menghadapi masalah.

Bagaimanapun, katanya, strategi menguasai bekalan dan harga pasaran perlu seiring dengan pengeluaran hasil tani. Justeru, beliau menekankan kepentingan memproses hasil pertanian seperti buah, sayuran atau bijirin menjadi produk yang boleh dijual bagi masa lebih panjang.

Perdana Menteri juga menyangkal tanggapan bahawa penekanan kerajaan terhadap pertanian sebagai kembali ke belakang kerana perusahaan industri kecil dan sederhana (PKS) berkaitan pertanian kini membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat luar bandar.

Selaras itu, katanya, kerajaan turut memantapkan sistem penyampaian, termasuk mengambil kira komen rakyat yang tidak berpuas hati dengan mana-mana aspek penyampaian RMK-9.

"Inilah yang saya beri perhatian dan ada tanda menunjukkan penambahbaikan sistem penyampaian di pejabat kerajaan tertentu, misalnya Jabatan Imigresen sudah boleh memproses pasport dalam sehari, manakala visa boleh dapat dengan begitu cepat.

"Satu lagi ialah Sijil Layak Menduduki (CF), orang kata lambat dikeluarkan, mendapat kelulusan untuk memulakan projek pun lambat, malah mendapatkan CF bagi rumah yang sudah siap pun susah atau lambat.

"Hampir dua tahun orang bising. Saya tanya Ka Ting (Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting), apa jadi, apa kemajuannya. Saya diberitahu kita ada 12 undang-undang yang perlu dilalui CF dan saya sudah minta pindaan sewajarnya dibuat," katanya.

Berhubung kritikan yang diutarakan pada seminar 'Abdullah Ahmad Badawi Tiga Tahun Di Putrajaya: Menjejaki Pencapaian dan Strategi Masa Depan Negara?' baru-baru ini, Perdana Menteri berkata, rungutan berkenaan bukan masalah yang membabitkan majoriti.

Beliau berkata, terlalu banyak peraturan bertindih-tindih dan dengan itu lahirlah birokrasi yang mengutamakan prosedur, menepati undang-undang dengan setiap jabatan mempunyai prosedur sendiri.

Justeru, katanya, prosedur perlu dipendekkan dan dipermudahkan. Umpamanya, jika reka bentuk sesuatu projek itu mengikut peraturan ditetapkan dan dipersetujui jurutera serta arkitek, maka harus dipersoalkan sama ada Jabatan Kerja Raya (JKR) perlu tengok semula.

Mengenai Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan 2006-2010 yang dilancarkan baru-baru ini, Abdullah berkata, tidak ada pilihan dalam perancangan berkaitan pendidikan itu dan ia mesti dijayakan.

Beliau berkata, usaha mahu memperkasakan Sekolah Kebangsaan (SK) bagi menggalakkan lebih ramai pelajar bukan Melayu kembali ke SK bukan sesuatu yang sensitif kerana pilihan terpulang pada ibu bapa.

Pendekatan itu katanya, tidak bermakna wujud rancangan menutup sekolah jenis kebangsaan Cina atau Tamil.

"Pendidikan bukan gimik politik. Pelan induk ini adalah pragmatik dan bukannya sesuatu yang tidak praktikal, ia boleh dilakukan.

"Tetapi dalam bidang pendidikan, seperkara yang penting selain kemudahan prasarana ialah peranan guru dan ibu bapa.

"Yang boleh menjadikan perbezaan ialah ibu bapa, apa sikap ibu bapa kepada persekolahan anak mereka. PIBG sangat penting. Sekolah yang cemerlang, lazimnya dikaitkan dengan peranan cergas yang dimainkan ibu bapa," katanya.

Bercakap mengenai hubungan antarabangsa, terutama memperbaiki hubungan tegang dengan Singapura dan Australia, Abdullah berkata, setiap tindakan yang diambil harus dipastikan benar-benar berkesan, bukan sekadar mendabik dada mempromosikan diri sebagai juara.

"Dasar luar kita tidak berubah, cuma pendekatannya berbeza," katanya.